



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
SAMBUTAN “MELAKA BUMI LESTARI ” SEMPENA
HARI AIR SEDUNIA, HARI HUTAN ANTARABANGSA
DAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI MELAKA
TARIKH: 9 APRIL 2021 (JUMAAT) , MASA: 10.30 PAGI
(WAKIL: YB DATUK SERI UTAMA IR. TS HJ IDRIS BIN HJ HARUN)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera, Salam Melakaku
Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man,
Menteri Alam Sekitar dan Air;

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir Dr. Zaini bin Ujang,
Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air;

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Seterusnya, Yang Berhormat barisan EXCO Kerajaan Negeri
Melaka;

Pengarah-pengarah Agensi Negeri dan Persekutuan,

Rakan-rakan media, Tuan-tuan dan Puan-puan yang
dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama di Sambutan “Melaka Bumi Lestari” sempena Hari Air Sedunia, Hari Hutan Antarabangsa Dan Hari Bumi Peringkat Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu, saya mewakili YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air serta Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KASA yang sudi datang ke Negeri Melaka bagi menjayakan majlis kita pada pagi yang berbahagia ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri ke majlis ini amat bermakna kepada kami rakyat Negeri Melaka.

3. **Hari Air Sedunia** disambut pada **22 Mac setiap tahun**, **Hari Hutan Antarabangsa** pula disambut pada **21 Mac setiap tahun** dan **Hari Bumi** disambut pada **22 April setiap tahun**. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Melaka julung-julung kalinya menyambut ketiga-tiga sambutan ini secara serentak yang diuruskan oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Melaka, Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihakurus setia yang menjayakan sambutan ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN MELAKA BUMI LESTARI

4. Air dan hutan merupakan sumber bumi yang amat berharga dan perlu diuruskan sebaik mungkin bagi memastikan ia kekal tersedia bukan hanya untuk menyokong usaha pembangunan negara tetapi turut membantu mengekalkan ekosistem serta memastikan sumber air dan hutan terpelihara di masa akan datang.

5. Kita semua sedia maklum, permintaan ke atas air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat kemajuan negara- negara di dunia dan populasi manusia yang semakin bertambah. Negeri Melaka merupakan di antara lima (5) buah negeri di Malaysia selain daripada Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor yang mempunyai sumber air yang sangat terhad atau **“Water Stressed State”** seperti yang dinyatakan dalam laporan ***National Water Resources Study (NWRS) 2000-2050***.

6. Menjelang tahun 2022, Melaka akan mengalami defisit sumber air untuk menampung keperluan permintaan air yang semakin meningkat. Ini juga dipengaruhi oleh kadar taburan hujan yang rendah di Melaka sehingga menyebabkan kebanyakan sungai dan empangan mengalami kekurangan air.

7. Justeru, Kerajaan Negeri Melaka merakamkan setinggi penghargaan di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan 5 Projek Mega Sumber Air kepada Negeri Melaka yang berjumlah **RM 1.3 billion** iaitu:

- Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih, Daerah Alor Gajah;
- Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka;
- Projek Penyaluran Air Mentah Dari Sungai Kesang Dan Tasik Biru Ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka;
- Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Penyaluran Air Sungai Muar Fasa 3 (Rumah Pam Grisek – Empangan Durian Tunggal); dan

- Projek Menaik Taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong-Durian Tunggal sebagai kolam dwi-fungsi untuk tebatan banjir dan sumber air Negeri Melaka.
8. Projek ini dijangka dapat menyelesaikan masalah bekalan air di Negeri Melaka sehingga tahun 2050. Dalam memastikan kecukupan sumber air dan mitigasi terhadap bencana seperti kemarau, KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan kajian pembangunan *National Water Balance System* (NAWABS) di Lembangan Sungai Melaka. Sistem ini dapat membantu Kerajaan Negeri meramal kecukupan

air lebih awal dan ia membolehkan perancangan menghadapi kemarau dilaksanakan dengan berkesan.

9. Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik usaha kementerian dalam menjalankan kajian dan projek berkaitan isu-isu negeri terutamanya di Melaka. Aktiviti yang telah dianjurkan semasa Hari Air Sedunia pada 27 Mac 2021 adalah Program Gotong Royong di 3 sungai utama setiap daerah iaitu di Sungai Baru, Masjid Tanah Alor Gajah, Sungai Malim, Melaka Tengah dan Taman Rekreasi Sungai Chohong, Jasin yang melibatkan seramai 400 orang peserta.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Selari dengan **Dasar Perhutanan Malaysia** yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 21 Mac 2021, di mana ketiga-tiga wilayah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mengiktiraf hutan sebagai khazanah warisan negara yang strategik. Dasar ini turut memberikan penekanan untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi dan diuruskan melalui urus tadbir yang baik berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.

11. Selain itu, Program Penghijauan Malaysia melalui **Kempen Penanaman 100 Juta Pokok** bermula dari tahun 2021 hingga 2025 telah pun dilancarkan pada 5 Januari 2021 di peringkat kebangsaan oleh YAB Perdana Menteri. Bagi memastikan fokus utama negara dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah dilitupi hutan dan pokok-pokok, masyarakat digalakkan menyertai **Program Penghijauan Malaysia** ini dengan menanam pokok sebagai tanda sokongan terhadap usaha kerajaan dalam Program Penghijauan Malaysia terutama di Negeri Melaka.

12. Hasil hutan juga mampu meningkatkan ekonomi negeri di samping menjadi tarikan kepada para pelancong dengan kekayaan sumber alam yang dipelihara dengan baik seperti di Hutan Rekreasi Ayer Keroh, Hutan Lipur Bukit Batu Lebah, Hutan Lipur Paya Laut Linggi, Hutan Simpan Sungai Udang, Hutan Simpan Tanjung Tuan dan Hutan Simpan Bukit Sedanan. Keluasan Hutan Simpan Kekal di Melaka adalah seluas **5,199.49 hektar** yang meliputi Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan.

13. Kerajaan Negeri Melaka telah menjalankan beberapa aktiviti penanaman pokok hutan dan jumlah keseluruhan pokok hutan yang telah ditanam di Melaka bagi tahun 2021 adalah sebanyak **1,267 batang**. Negeri Melaka juga telah menerima **Projek Restorasi Hutan** dengan keluasan **50 hektar** di **Tanah Rizab Empangan Durian Tunggal** daripada **KETSA** bagi menghutankan semula rizab empangan tersebut sebagai kawasan penampungan sumber air yang akan dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun ini. Dijangka sebanyak **31,250** batang pokok dari pelbagai spesis akan ditanam.

14. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan Projek Menaik Taraf Muzium Perhutanan Negeri Melaka dan Projek Penyelenggaraan Taman Botanikal Melaka yang telah siap dibina pada 7 Disember 2020 oleh pihak JKR. Justeru, saya berbesar hati mengajak rakyat Negeri Melaka, untuk datang ke Muzium Perhutanan Negeri Melaka yang terletak di Taman Botanikal bagi menjadikan lokasi ini sebagai salah satu elemen tarikan pelancong ke Melaka

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

15. Bagi **Sambutan Hari Bumi**, Kerajaan Negeri Melaka telah menjalankan beberapa aktiviti melalui Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) seperti :
- Kempen Pengumpulan E-Waste pada Sabtu terakhir setiap bulan;
 - Pertandingan Video Kreatif sempena Sambutan Earth Hour 2021 oleh MBMB;

- Sambutan Hari Bumi 2021 dengan Tema “*Restore Our Earth*” telah diadakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka pada 25 Mac 2021 di Jalan Bandar Baru, Masjid Tanah dengan aktiviti gotong-royong, pengumpulan bahan buangan dan tanaman pokok;
- Melaksanakan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna; dan
- Kempen Kitar Semula Sisa Fabrik dengan kerjasama SWCorp yang menempatkan 11 tong kitar semula fabrik yang dijangka mampu mengutip sebanyak 5,000 kg sisa fabrik sebulan. Program ini merupakan inisiatif di bawah

pelaksanaan Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon Cities 2030 Challenge*) di dalam agenda Matlamat Pembangunan Lestari (*SDG - Sustainable Development Goal*).

16. Untuk makluman semua, Sambutan Hari Bumi disambut setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran serta penglibatan orang awam dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Bukan itu sahaja, usaha ini adalah untuk menggalakkan aktiviti kesedaran awam berkaitan alam sekitar seperti gotong-royong dan sebagainya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah sekalian,

PENUTUP

17. Kerosakan alam sekitar, hutan dan perubahan iklim global, adalah antara faktor terjadinya bencana seperti banjir, kemarau dan peningkatan suhu bumi. Saya menyeru kepada semua masyarakat, sayangilah alam sekitar kita dengan moto ***“SAVE NATURE TO SECURE FUTURE”***.

Sekian, terima kasih.

